

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MEI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Ekonomi digital, IR 4.0 berpotensi tingkat pendapatan

Ekonomi digital, IR 4.0 berpotensi tingkat pendapatan



Oleh Dr Hainuraqma Rahim
bhrencana@bh.com

Pensyarah Kanan,
Jabatan
Ekonomi, Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan UTM
Melaka, Kampus
Alor Gajah

Ekonomi digital dan Revolusi Perindustrian (IR 4.0) saling bergantung antara satu sama lain. Ekonomi digital di definisi sebagai aktiviti ekonomi dan sosial memabatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi digital oleh individu, perniagaan dan kerajaan.

IR 4.0 melonjakkan pertumbuhan ekonomi digital apabila pendigitalan berlaku dengan pesat yang membolehkan penghasilan aplikasi teknologi lebih canggih dan inovasi serta kemunculan model perniagaan baharu dalam semua sektor.

Penerima gunaan teknologi IR 4.0 yang meluas mempercepat pertumbuhan ekonomi digital. Ekonomi digital dan IR 4.0 dilihat berupaya dimanfaatkan dalam potensi ekonomi.

Kedua-dua bidang ini antara potensi belum diterokai sepenuhnya, walaupun pelaburan dan perdagangan antara dua negara semakin berkembang sejak 2009.

Pada 2020, 22 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah daripada sektor ekonomi digital dan sektor ini dijangka mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan menjelang 2025.

Sektor ini turut dirancarkan dengan momentum pendapatan e-dagang yang meningkat kepada AS\$190 bilion, mengalami peningkatan 23 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dalam Forum Infiniti Maya di terminal Bloomberg berkata, pendigitalan sentiasa menjadi

kepentingan strategik kepada Malaysia dalam usaha negara mencapai pertumbuhan ekonomi mampan dan inklusif.

Pada 2019, Malaysia menyaksikan penyelesaian pembayaran digital negara berkembang ketara dengan mencatat peningkatan 664 peratus dalam pendaftaran peniaga.

Pencapaian ini membuktikan pendigitalan menjadi kritikal dalam mengukuhkan daya tahan ekonomi. Buktinya, biarpun banyak perniagaan fizikal mengalami jualan terhad ketika tempoh awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika berdepan pandemik COVID-19, teknologi membolehkan aktiviti dilakukan menerusi dalam talian.

Ia dapat dilihat dalam pelbagai industri pembelian barangan runcit dan aktiviti penghantaran makanan yang melonjak dengan begitu agresif.



Pendigitalan menjadi kepentingan strategik dan membantu pertumbuhan ekonomi negara. (Foto hiasan)

Pelan tindakan ekonomi digital dilancarkan bertujuan memperkasakan rakyat Malaysia, satu inisiatif kerajaan untuk kekal komited bagi meneruskan pendigitalan ekonomi.

Objektif inisiatif ini untuk melahirkan masyarakat celik digital, penciptaan pekerjaan bernilai tinggi, pendidikan teknologi kewangan, penjagaan kesihatan dan banyak lagi.

Dalam konteks perundangan teknologi dan infrastruktur digital, Malaysia dilihat masih berkembang dalam ruang itu kerana keadaannya sangat dinamik dan lancar.

Dalam konteks ini, prinsip utama yang mesti ditangani, terutama dalam keselamatan dan infrastruktur digital ialah negara mesti berkembang untuk berdaya tahan, harus memastikan keterangkuman, menggalakkan kebolehsuaian dan wajib mempunyai tadbir urus baik.

Keadaan ini dapat menarik pelancong lebih ramai untuk bercuti di negara ini, sekali gus menyebabkan berlaku pengaliran mata wang asing.

Bagaimanapun terdapat juga kesan negatif seperti segelintir pelanggan membuat aduan terdapat tempat percutian ditempah melalui iklan dalam internet tidak memuaskan.

Keadaan ini menjejaskan ekonomi negara kerana pengaliran wang tidak akan berlaku sekiranya pelancong tidak berminat bercuti ke Malaysia, sekali gus menyebabkan imej buruk Malaysia kerana tidak menjalankan urusan niaga dengan jujur.

Kehadiran IR 4.0 pasti berlaku dan kesannya pasti dirasai seluruh dunia, termasuk Malaysia. Justeru, kerajaan perlu bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan masyarakat memiliki pengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam ekonomi digital dan IR 4.0, setanding dengan negara maju.